

17/10/2002

Nik Aziz anggap Israel `makhluk perosak'

KOTA BHARU, Rabu - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menyifatkan Israel sebagai `makhluk perosak' yang menjadi punca pelbagai bentuk keganasan di dunia.

Sambil menyatakan sokongan terhadap kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa Israel adalah negara yang patut diserang dan bukannya Iraq, beliau berkata, kekejaman rejim Yahudi itu melampaui batas kemanusiaan.

"Saya sangat menyokong kenyataan Dr Mahathir itu kerana punca segala keganasan ialah Israel sejak zaman berzaman, bukan pihak lain.

"Malah, (kekejaman Israel) ini semacam sudah menjadi tradisi... Israel ni memang makhluk perosak, memang patut pun kalau kena serang," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) di Kota Darul Naim di sini, hari ini.